

SEJARAH TERCIPTA DENGAN PERTUKARAN NAMA KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA 1997 OLEH YAB DATO' SERI MAHATHIR MOHAMAD PERDANA MENTERI -

PgKB II Kassim Maidin dan PgB Mohd Suhaimi Md Akhir

Perkhidmatan bomba bermula sejak tahun 1792 di Pulau Pinang apabila Francis Light melantik ketua-ketua kaum Melayu, Cina dan India bagi mengawal keselamatan dan bertanggungjawab ke atas pencegahan serta keselamatan kebakaran - **Patrick Morrah** – **1963**. Pada tahun 1898, pasukan bomba sukarela telah ditubuhkan di Pulau Pinang oleh Syarikat Hutterberg & Co. Ltd. dengan keanggotaan seramai 10 orang. Selepas Tanah Melayu merdeka 1957, pasukan bomba sukarela ini masih di bawah pentadbiran pihak polis dan kemudian diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan yang di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Pada tahun 1982, Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri telah disatukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

Sejarah tercipta pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju mengubah nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis pengumuman dan pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Dato'



Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.

Penjenamaan baru ini secara tidak langsung telah mewujudkan cawangan atau unit-unit baru khususnya dalam kerja-kerja berkaitan di Jabatan ini.

1. **Must Team, Smoke Jumpers, Special Tactical Operation Rescue Malaysia (Storm) dan Pasukan Khas Udara Bomba (PASKUB).** Pasukan ini adalah untuk tugas gerak cepat dalam mengendalikan bencana dalam dan luar Negara. Penubuhan pasukan ini adalah di bawah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat dan Bahagian Udara JBPM.
2. **Pasukan Penyelamat Dalam Air (PPDA) - Pasukan bertanggung jawab mencari dan menyelamatkan di air.**
3. **Unit K9 - Unit pengurusan K9 berfungsi dalam gerakan mencari dan menyelamatkan / penyiasatan.**
4. **Pasukan Hazardous Material (Hazmat) - Pasukan khas dalam mengendalikan bahan kimia berbahaya.**
5. **Pasukan Paramedik (Emergency Medical Rescue Services - EMRS) - Pasukan khas dalam memberi rawatan khusus untuk pegawai bomba ketika operasi kebombaan dan apa-apa insiden kemalangan.**
6. **Pasukan Rapid Intervention Motorcycle (RIM) - Pasukan khas dalam mempercepatkan tindakan ke tempat kejadian atau pasukan bertindak cepat dalam pemadaman kebakaran**
7. **Jurumudi - Pasukan khas bertindak membantu kerja-kerja mencari dan menyelamatkan.**

Tanggungjawab ini dilaksanakan berdasarkan bidang kuasa seperti dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 – 5(1)(2) dan peraturan lain yang terpakai seperti MKN 20 mana-mana yang bersesuaian. Perubahan nama berkenaan telah mengembang



luaskan lagi perkhidmatan kebombaan hingga menjangkau ke luar Negara. JBPM telah membantu Indonesia dalam jerebu 1997 dengan penghantaran seramai 1200 pegawai ke Sumatera dan Kalimantan Barat. Pentadbiran Kerajaan Indonesia telah merakamkan penghargaan atas

bantuan berkenaan Manakala pada tahun 2006 seramai 65 orang Pasukan

Penyelamat terdiri dari Pasukan Bomba dan SMART ke Guinsaugon, Filipina dalam misi bantuan mencari dan menyelamatkan mangsa tanah runtuh. Selepas misi mencari dan menyelamatkan selama sembilan hari di Selatan Leyte, Filipina, pasukan penyelamat yang terdiri dari BOMBA dan SMART tiba di Lapangan Tentera Udara Malaysia Subang. Satu sambutan telah diadakan dan turut disertai oleh Victoriano Lecaros, Duta Filipina di Malaysia untuk menyatakan penghargaan Kerajaan Filipina atas bantuan misi mencari dan menyelamatkan di Negara berkenaan.

SUBANG, Feb 28- 2006 (Bernama)

“The Malaysian search and rescue contingent returned home Monday after a nine-day exhaustive search for victims of the massive landslide which swallowed villagers in Southern Leyte, Philippines. The 65-member Malaysian contingent comprising the Special Malaysian Assistance and Rescue Team (SMART), the Fire and Rescue Services Department, paramedics from the Kuala Lumpur Hospital and the Malaysian Red Crescent Society, were greeted on arrival by the Philippines Ambassador to the country Victoriano Lecaros at the Subang Air Force base. SUBANG, Feb 28 (Bernama).”

Tahniah kepada mereka yang menabur jasa untuk Malaysia dan tahniah kepada pengurusan tertinggi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Syabas untuk semua warga Bomba Malaysia.